

Menyatukan Pertadbiran Agama

Dalam masa Peraduan Qur'an dahulu, Tengku Perdana Menteri telah menyatakan ura-uranya hendak menyatukan pertadbiran agama Islam di Tanah Melayu ini di bawah satu badan pertadbiran. Ura-ura ini adalah ura-ura yang sesuai dengan hasrat umat Islam di negeri ini, kerana di dalam Malaysia Barat yang penduduknya tidak sampai 10 juta ini adalah pertadbiran agamanya di bawah masing-masing negeri — dan di bawah kuasa raja Melayu masing-masing tempat.

Nampaknya sekali arung, usaha dan dan tujuan Tengku itu gagal, kerana ada banyak negeri tidak mahu menyerahkan kuasa agamanya supaya dikawal atau diselenggarakan oleh kerajaan pusat. Kita tidak tahu sebab-sebabnya mengapa negeri-negeri itu tidak mahu kuasa agama disatukan, mungkin kerana inilah sahaja kuasa yang ada yang boleh dijalankan oleh raja-raja Melayu di dalam negerinya di atas agama dan adat istiadat sahaja.

Tetapi seperkara yang patut menjadi perhatian-perhatian dengan kuasa agama dipegang terus oleh raja-raja

Melayu adalah sukar untuk membuat perkembangan-perkembangan yang luas yang boleh membawa faedah kepada seluruh rakyat Islam di negeri ini. Oleh yang demikian rakyat adalah sentiasa menyuarakan supaya kerajaan pusat mengadakan pemusatan terhadap pertadbiran agama — tidak seperti sekarang, keranya banyaknya cara pertadbiran, dengan banyaknya negeri, maka banyak pula perkara-perkara yang mustahak disatukan oleh umat yang serumpun itu.

Oleh yang demikian kerajaan-kerajaan negeri sepatutnya tidaklah berkeras di dalam soal-soal ini, kerana yang demikian lebih merugikan dari menguntungkan.

* * *

Pengangguran

Diberitakan di dalam akhbar, sebuah perusahaan yang kosong berhajat kepada 110 orang pekerja, maka yang datang meminta seramai 4,500 orang — 2,000 kosong yang datang meminta seramai 18,000 orang dan ini menunjukkan angka-angka pengangguran bertambah banyak di Malaysia Barat ini — ertinya banyak anak-anak kita yang tidak ada kerja, bahkan dari setahun kesatuan makin bertambah bilangannya, dengan bertambahnya pemuda-pemuda yang baharu keluar dari bangku sekolah.

Masalah orang-orang tidak ada pekerjaan (pengangguran) adalah satu masalah yang rumit sedang dihadapi oleh kerajaan. Orang-orang yang tidak ada kerja itu boleh membuat apa sahaja pekerjaan untuk melepaskan kesulitan hidupnya, sama ada dengan jalan baik atau dengan jalan jahat.

“Kemiskinan dan kepaapaan itu membawa kepada kekufuran” maksud sabda Nabi. Ini benar, kerana walaupun ia beriman terkadang-kadang tidak tertahan hatinya apabila dirasanya ia tidak mengecap makanan pagi dan petang, apalagi bagi mereka yang tidak berpelajaran agama, maka merompak dan menggaronglah mereka. Fikir mereka kalau merompak dapat wang, dan kalau tertangkap dihukum masih dapat makan dan boleh hidup — mengikut hukuman yang ada.

Oleh yang demikian apabila di dalam sesebuah negeri banyak pengangguran, maka biasanya banyaklah orang-orang jahatnya — dan banyaklah curi rompaknya, sebab itu masalah pengangguran adalah menjadi satu masalah besar kepada kerajaan, iaitu sesebuah kerajaan di dalam pertadbirannya adalah berusaha mengadakan kerja-kerja yang halal untuk rakyatnya.

Kejatuhan harga barang-barang menjadikan pemuda-pemuda di kampung memanjiri¹ bandar mencari kerja, kerana perbelanjaan hidup di kampung tidak mencukupi baginya. Penuhlah bandar dengan orang-orang yang datang dan di bandar pula tidak ada kerja-kerja yang cukup. Apakah ikhtiar yang patut dijalankan?

Kerajaan patutlah berusaha menggalakan pemodal-pemodal mengadakan kilang-kilang yang menggunakan tenaga manusia. Pemodal-pemodal dikenakan pula peraturan-peraturan yang berat yang dipikulkan kepada mereka sebaliknya dari galakan yang baik dan perbuatan yang ringan.

¹ Ejaan sebenar adalah membanjiri.

Rencana Pengarang

Umpamanya, seseorang mahu membuat jenis kilang kecil yang terkenal dengan “*light industry*” seperti percetakan umpamanya. Bagi seseorang yang membuat perusahaan itu hendaklah membayar lesen perniagaan, lesen percetakan, bayaran alat pemadam api dan wajib menyiapkan alat-alat pemadam api, lesen jentera dan lain-lainnya, iaitu perkara yang seperti ini di negara Singapura hanya lesen jentera sahaja dikenakan \$25 sedang yang lainnya tidak dikenakan bayaran selain daripada pendaftaran perniagaan sebanyak \$2 sekali daftar, berbanding dengan \$25 tiga tahun di Malaysia iaitu perkara-perkara yang mengenai *light industry*.

Buruh semakin banyak — perusahaan tidak banyak dibangunkan. Maka yang demikian ini adalah menjadi bebanan kerajaan. Oleh yang demikian maka aturan-aturan kepada buruh patutlah dikenakan supaya pembahagian kerja terkawal dan masing-masing rakyat mendapat bahagiannya.

Selagi tidak ada rencana dibuat dan segera dijalankan, maka awaslah! Kesusahan rakyat semakin bertambah besar, sedang bebanan rakyat kepada tanggungjawab negara semakin berat. Sebaik-baik pertadbiran adalah meringankan kedua-dua belah pihak (kerajaan dan rakyat)

* * *

Masalah *Ru'yah*

Tan Sri Abdul Jalil Hassan telah mengemukakan fikirannya supaya alim ulama sepakat bersetuju menetapkan

anak bulan untuk menentukan puasa atau Hari Raya, supaya memudahkan wanita-wanita membuat atau mengadakan persiapan kuih-muih untuk Hari Raya. Beliau memandang sudah tiba masanya pendapat-pendapat falak boleh tepat dipakai dan dengan demikian mudah menentukan timbulnya anak bulan dan molek benar sekiranya ada persidangan untuk itu.

Kita, dan barangkali juga setengah-setengah orang tidak dapat menyetujui sekiranya *ru'yah* itu ditentukan hanya dengan perkiraan hisab sahaja, kerana ketetapan-ketetapan agama dalam soal ini telah pun ada. Dalam menentukan *ru'yah* biasa bagi bulan yang 29 hari — kalau pada masa itu hari kelam atau kabus disuruh memakai *ru'yah* dengan kiraan 30 hari. Ini yang dipegang dan ketetapan yang tidak berubah dari dahulu hingga sekarang dengan tidak ada kaitan untuk diubah kerana memudahkan kaum wanita menyediakan persiapan-persiapan puasa atau Hari Raya. Untuk ini ada molek para pembaca-pembaca kita bawa kepada penjelasan kitab “*Al-Fiqh ‘alā al-madhāhib al-arba‘ah*” mengenai masalah ini yang maksudnya begini:

“Disabitkan timbulnya bulan Ramaḍān dengan dua perkara: “Melihat *hilāl* Ramaḍān apabila keadaan langit itu cerah tidak ditutupi oleh awan mendung atau asap atau debu atau sebagainya.” Kedua: “Menyempurnakan bilangan bulan Sha‘abān 30 hari sekiranya kedapatan langit tidak cerah,

dalilnya sebagaimana sabda Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*: “*Ṣūmū li ru‘yatihī wa aḥīrū li ru‘yatih, fa in ghumma ‘alaykum, fa akmilū ‘iddata sha‘bāna thalāthīn.*” Ertinya: “Berpuasalah dengan sebab melihat bulan Ramaḍān dan berbukalah dengan sebab melihat bulan Shawwal, sekiranya kamu dapati langit itu mendung, maka sempurnakanlah bilangan bulan Sha‘abān 30 hari.”

Makna hadīth: Langit itu manakala bersih perintah puasa itu bergantung dengan kelihatan *hilāl* Ramaḍān, tidak wajib seseorang itu berpuasa melainkan apabila ia melihat *hilāl* Ramaḍān. Adapun apabila keadaan langit mendung, maka kewajipan berpuasa itu kembali kepada bulan Sha‘abān itu 30 hari.

“Inilah kaedah yang telah ditetapkan oleh syarak yang memerintahkan berpuasa itu, ia (syarak itu) ialah *ṣāhib al-haqq al-muṭallaq* bagi menegakkan tanda-tanda yang dikehendakinya. Ia berkata kepada kita: “Sekiranya langit itu cerah dan kita boleh melihat *hilāl* Ramaḍān maka lihatlah akan dia, dan kalau kelihatan berpuasalah, jika tidak kelihatan, maka janganlah berpuasa. Adapun sekiranya langit itu mendung maka kembalilah kita kepada hisab bulan Ramaḍān dan kita sempurnakan bilangan bulan Sha‘abān itu 30 hari. Ini adalah pendapat tiga imam (Shāfi‘ī, Ḥanafī dan Mālikī). Adapun Imam Ḥanbalī bersalahan pendapat berhubung dengan keadaan mendung.”

Sekian pendapat itu — dan jelas hukumnya.

Tuntunan al-Qur'ān:

Pengaruh al-Qur'ān Dalam Pemikiran Manusia

Umat manusia yang hidup di abad-abad permulaan alam diciptakan tidak dapat menggunakan daya akal mereka untuk memikirkan masa depan hidup yang bakal mereka hadapi. Tetapi dengan rajinnya manusia berfikir menggunakan akal yang telah dikurniakan Tuhan, kian lama kehidupan mereka kian bertambah maju, hingga berjaya memproses sebuah dunia yang sebegitu *success* dan progresif.

Kemajuan-kemajuan yang sebegitu pesat yang telah dicapai oleh umat manusia yang menjadi penghuni alam di abad-abad yang akhir ini adalah berpunca dari ajaran-ajaran suci yang dibawa Islam... Inilah di antara perkara-perkara yang akan dikupas dan dianalisa oleh saudara Rubani al-Haji Yusuf di dalam makalah ini — Pengarang.

(Oleh: Rubani bin al-Haji Yusuf)

Dengan Akal Manusia Kian Maju:

Kemajuan dan ketinggian fikiran manusia adalah melalui beberapa proses dan beberapa zaman yang tertentu. Manusia yang hidup di abad-abad permulaan alam diciptakan tidak dapat menggunakan daya akal mereka yang logik untuk mencapai natijah-natijah yang benar-benar waras dan sihat. Pandangan mereka hanya terbatas kepada masalah-masalah yang hampir dan yang boleh dirasai oleh pancaindera sahaja seperti soal-soal makan minum dan lain-lainnya. Setengahnya tidak pula dapat mengenal perbuatan yang mulia, hina, baik dan jahat. Maka segala-galanya, dilakukan kerana mengikut kegemaran nafsu keinginannya yang tidak berpandukan asas-asas kehidupan atau ajaran-ajaran yang sesuai dengan sifat semula jadinya. Inilah yang menyebabkan mereka tertinggal ke belakang dan mundur dalam semua aspek hidup, serta tidak berjalan di atas lunas-lunas agama yang menjadi pegangan yang sebenar. Kalaupun Tuhan mengutuskan rasul-Nya di saat ini segala ajaran-ajarannya tidak akan memberi apa-apa kesan kepada mereka.

Tetapi roda alam tetap berputar,

dan keadaan ini pun bertukar, kegelapan mereka bertukar cerah dan kejahilan mula berkurangan. Fikiran mereka telah banyak ditumpukan kepada soal-soal yang lebih jauh dan yang berhubung dengan hal-hal di sekitar alam mereka serta masa depannya. Perubahan ini berlaku ialah dengan adanya dorongan keinginan untuk menghuraikan rahsia kejadian diri dan tujuan-tujuan hidup yang hakiki.

Setelah manusia mengetahui adanya hakikat wujud dan makna hidup, maka ahli-ahli bijak pandai mulalah berlumba-lumba membongkar asal-usul kejadian alam, mencari rahsia-rahsia yang menjadi persoalan di luar tabii (metafizika) dan menganalisa kajian-kajian yang belum pernah difikirkan oleh manusia di zamannya. Perlumbaan ini berjalan berkurun-kurun lamanya hingga lahirlah beberapa tokoh falsafah yang terkemuka sehingga hari ini yang kebanyakannya daripada bangsa Yunani (Greek). Di antara yang benar-benar terkenal ialah filsuf Suqrāt. Kajian-kajian dan teori-teorinya sering kali menjadi panduan dan bahan rujuk ahli-ahli

falsafah lainnya. Ia juga mempunyai keistimewaan yang besar dengan tokoh-tokoh yang lain-lain, kerana lazimnya mereka hanya membahaskan alam yang lahir dan kebendaan semata-mata. Tetapi Suqrāt lebih banyak menitikberatkan dalam masalah-masalah rohani, ilmu, *faḍīlah*, akhlak dan lain-lainnya yang dianggapnya menjadi asas kehidupan tiap-tiap bangsa.

Sekatan-sekatan Terhadap Ilmu Falsafah:

Walaupun perjuangan ini suci tetapi tidak dapat berkembang dengan meluas, kebebasan fikiran mereka tersekat kerana adanya tekanan daripada pengembang-pengembang agama Kristian (Masihi) di Eropah. Semua golongan dilarang mempelajari ilmu-ilmu falsafah yang dianggapnya tidak memberi guna kepada mereka — kerana ia hanya berdasarkan kepada teori-teori kosong yang tidak diterima akal dan mustahil dapat dipraktikkan. Dengan demikian kegiatan-kegiatan pun terhenti beberapa lama. Akibatnya segala kitab-kitab karangan jaguh-jaguh falsafah pun terbiar tersimpan di gedung, di maktab-maktab yang mana setengahnya rosak dimakan hama-hama dan masa.